SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI

BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2017

BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh : 23 Disember 2017

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan **Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2017** bagi Negara Brunei Darussalam bermula dari Disember 2017.

2. Objektif utama BTP 2017 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, ciri-ciri dan perkembangan aktiviti ekonomi syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan sektor swasta, terutama sekali mengenai perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

3. BTP 2017 akan meliputi semua syarikat perusahaan/perniagaan yang aktif beroperasi di negara ini dan akan mengumpulkan maklumat mengenai bilangan pekerja, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan/perniagaan bagi tahun rujukan 2016 dan 2017.

4. Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Bab 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. JPKE ingin memberikan jaminan kepada semua syarikat perusahaan/perniagaan yang terlibat bahawa maklumat yang dikumpulkan semasa banci ini akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

5. Borangtanya Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan 2017 akan diedarkan kepada syarikat perusahaan/perniagaan melalui pos dan kerja luar pegawai-pegawai banci yang dilantik mulai Disember 2017. Borangtanya BTP 2017 juga boleh dimuat turun dari laman web JPKE. Tarikh tutup untuk mengembalikan borangtanya yang telah diisikan dengan lengkap ke JPKE ialah 31 Januari 2018.

6. Hasil yang diperolehi melalui BTP 2017 akan dapat memberikan maklumat yang lebih kerap dan terkini mengenai profil syarikat perusahaan/perniagaan sektor swasta dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar berkaitan perkembangan sektor swasta sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

7. Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua syarikat perusahaan/perniagaan dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan banci ini.

8. Sebarang pertanyaan mengenai BTP 2017 ini bolehlah dirujuk ke JPKE seperti berikut:

Telefon	:	2230251 atau 2233344 samb. 430/431/432/433/436/439 (waktu pejabat)
E-mel	:	economic.census@jpke.gov.bn
Laman web	:	www.depd.gov.bn

MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE

ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2017

BRUNEI DARUSSALAM

Date: 23 December 2017

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE), will be conducting the* ***Annual Census of Enterprises (ACE) 2017*** *for Brunei Darussalam starting from December 2017.*

2. *The main objective of ACE 2017 is to collect latest information on the size, structure and economic activity characteristics of business enterprises in the private sector, particularly relating to the micro, small and medium enterprises.*

3. *ACE 2017 will cover all active companies and businesses in the country and will collect information on the number of employment, revenue and expenditure of the businesses for the reference year 2016 and 2017.*

4. *The Annual Census of Enterprises is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. JPKE would like to assure all the companies and businesses involved that the information collected during the census will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only.*

5. *The Annual Census of Enterprises 2017 questionnaires will be distributed to all companies and businesses by post and by appointed census officers starting from December 2017. The ACE 2017 questionnaire can also be downloaded from JPKE's website. The closing date for returning the completed questionnaires to JPKE is 31 January 2018.*

6. *Results from the ACE 2017 will provide more frequent and up-to-date information on the profile of private sector businesses to assist in the planning, research and policy making related to the development of the private sector in contributing towards the country's economic growth.*

7. *Hence, the support and co-operation from all companies and businesses in providing correct and complete information are essential for the success of the census.*

8. *For any enquiries regarding ACE 2017, please refer to JPKE as follows:*

Telephone	:	*2230251 or 2233344 ext. 430/431/432/433/ 436/439 (working hours)*
E-mail	:	*economic.census@jpke.gov.bn*
Website	:	*www.depd.gov.bn*